



Amier jadi rebutan

Kepetahan bertutur dan sering membabitkan diri dalam pengjuran acara membuatkan Raja Muhammad Muzammir Raja Mahadi, 26, pelajar yang sangat dikehendaki di Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menjayakan majlis.

Pelajar Bachelor Kejuruteraan Awam itu mula berkecimpung dalam pengendalian acara dan majlis protokol apabila memegang jawatan Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) Kolej ke-10 UPM yang membolehkan beliau menjalin hubungan baik dengan Bahagian Komunikasi Korporat UPM.

Anak sulung daripada tiga beradik kelahiran Kuala Lumpur itu, berkata apabila sering membantu UPM menganjurkan acara, beliau meraih pengalaman dalam mengendalikan majlis rasmi termasuk pada peringkat nasional.

Majlis penting

“Setakat ini saya sudah menjayakan beberapa acara peringkat nasional termasuk bertindak sebagai koordinator Majlis Perasmian Mahasiswa 1Malaysia, Jelajah Basikal Mahasiswa 1Malaysia dan menjadi pengurus Majlis Makan Malam Kementerian Pengajian Tinggi Bersama Pelajar Antarabangsa.

PROFIL

Nama: Raja Muhammad Muzammir Raja Mahadi
Umur: 26 tahun
Tarikh Lahir: 9 February 1987
Asal: Wangsa Maju, Kuala Lumpur
Cita-cita: Jurutera

Pencapaian:

- Ahli Jawatankuasa Logistik Jelajah Berbasikal Mahasiswa 1Malaysia
- Setiausaha Agung MTM Kolej Ke-10 UPM 2010
- Timbalan Presiden 1 MTM Kolej Ke-10 UPM 2011
- Penasihat MTM Kolej Ke-10 UPM 2013
- Koordinator/Pengurus Pentas Majlis Perasmian Mahasiswa 1Malaysia

“Jika pada peringkat universiti, kebanyakan MTM kolej suka mendapatkan pandangan atau meminta bantuan saya dalam acara peringkat kolej yang membabitkan protokol dan orang kenamaan.

“Selain menjadi koordinator dan pengacara majlis, saya juga sering bertindak sebagai pembaca nama graduan ketika konvolesyen, penyambut tetamu orang kenamaan termasuk menteri pengajaran tinggi, naib canselor serta canselor UPM sendiri,” katanya ketika ditemui di UPM, baru-baru ini.

Debat bahasa Inggeris

Ditanya bagaimana beliau memperoleh kemahiran berkomunikasi,

beliau yang selesa dipanggil Amier berkata, pembabitan dalam aktiviti debat bahasa Inggeris sejak di bangku sekolah, bukan saja memahirkkan komunikasi bahkan meningkatkan keyakinan dirinya.

“Sebenarnya ketika sekolah dulu, awalnya saya agak pasif walaupun memegang jawatan ketua kelas dan pengawas. Namun, selepas menyertai debat semuanya berubah.

“Selepas banyak pengalaman dalam debat, keyakinan saya untuk berkomunikasi dengan orang lain, berbincang, membuat pembentangan membuatkan saya yakin berdepan siapa saja,” katanya.

Fikir dalam bahasa Inggeris

Amier berkata, penguasaan bahasa Inggeris penting walaupun ada segelintir pihak yang masih tidak menyadarinya ekoran momokan pandangan negatif yang masih menganggap penguasaan bahasa ibunda saja sudah memadai.

“Pelajar Melayu selalu menterjemah satu persatu perkataan Inggeris ke bahasa Melayu. Sebenarnya, jika mahu mahir bahasa kedua ini, kita perlu berfikir terus menggunakan bahasa Inggeris.

“Ada juga pihak yang mengejek jika kita bertutur bahasa Inggeris tunggang terbalik.

“Tetapi sebenarnya ini proses pembelajaran dan saya amat terbuka menerima teguran atau kritikan dalam pembelajaran selagi memberi motivasi yang membina,” katanya yang kini merancang meneruskan pengajian ke peringkat sarjana.